

## **BAB 4**

### **HUKUM- HUKUM BERKAITAN PESAKIT AIDS**

#### **4.1- PENGENALAN**

Dalam menentukan hukum-hukum berkaitan pesakit AIDS sama ada dalam aspek ibadat mahupun kekeluargaan, pengetahuan dan kefahaman yang jelas mengenai peringkat-peringkat jangkitan HIV/AIDS amat penting. Terdapat 3 peringkat jangkitan HIV/AIDS iaitu:

##### **1-Peringkat Jangka masa Window**

'*Window period*' berlaku dalam tempoh 2 minggu hingga 2 atau 3 bulan selepas jangkitan HIV. Pada peringkat ini, pesakit kelihatan sihat dan ujian HIV yang dijalankan juga akan menghasilkan keputusan yang negatif kerana antibodi terhadap virus HIV masih belum dapat dikesan.

##### **2-Peringkat Tiada Tanda (Pembawa HIV)**

Pembawa HIV kebiasaannya nampak sihat walaupun ujian HIV adalah positif. Virus HIV akan mengurangkan keupayaan sistem pertahanan dalam badan pembawa HIV. Hampir semua pesakit HIV akan menunjukkan tanda-tanda AIDS selepas 10 tahun. Jangkamasa tersebut mungkin lebih pendek jika tahap kesihatan dan pemakanan tidak dijaga dengan baik. Pesakit pada peringkat ini akan mengalami simptom-simptom yang biasa seperti demam dan selesema.<sup>1</sup>

Kesimpulannya, pada kedua-dua peringkat di atas, keadaan pembawa HIV adalah sama dengan manusia biasa yang sihat. Oleh itu, hukum-hukum berkaitan ibadat

---

<sup>1</sup> Temubual bersama Dr. Ban b Attan @ Talib, Pegawai AIDS/STD Negeri Melaka, pada 22 Januari 2009, jam 3.00 petang dan temu bual bersama Dr. Mohammad Faid b Abd Rashid, Pegawai Kesihatan Daerah Seremban / Ketua rombongan haji Malaysia ( Bahagian Perubatan), pada 28 Januari 2009, jam 3.00 petang.

dan yang berkaitan dengan kekeluargaan mereka adalah sama seperti umat Islam yang lain.

### 3-Peringkat Akhir Jangkitan HIV/AIDS

Pada peringkat ini, pesakit akan mengalami pelbagai gejala klinikal penyakit AIDS yang menunjukkan tahap daya ketahanan diri melawan penyakit telah lumpuh atau hampir lumpuh. Tanda-tanda AIDS tersebut termasuklah susut berat badan, cirit-birit berlarutan, demam berpanjangan, batuk berpanjangan, ulser mulut, bengkak kelenjar dan kebas-kebas di tangan dan kaki serta berpeluh dengan banyak pada waktu malam. Selain itu, pada peringkat ini pesakit AIDS akan dijangkiti pelbagai komplikasi penyakit seperti kanser, TB, meningitis (radang otak) dan penyakit-penyakit yang lain. Pada peringkat awal AIDS, pesakit dijangkiti satu atau dua penyakit dan ia tidak menjejaskan ibadat seseorang seperti ulser mulut dan sebagainya. Namun, lamakelamaan pesakit AIDS tidak dapat bergerak disebabkan jangkitan paru-paru, radang otak dan pelbagai jenis kanser seperti kaposi sarcoma, kanser anorektum dan sebagainya. Keadaan ini boleh menyebabkan pesakit tidak sedarkan diri dan koma.<sup>2</sup>

Justeru itu, terdapat hukum-hukum yang khusus bagi mereka sama ada dalam aspek ibadat mahupun kekeluargaan. Dalam aspek ibadat, Islam memberi rukhsah kepada pesakit berdasarkan keadaan kesihatan mereka sama ada dalam ibadat solat, puasa dan haji.

---

<sup>2</sup> *Ibid*

## 4.2- PESAKIT AIDS DAN IBADAT

### 4.2.1- Wuduk dan Solat

#### Wuduk

Wuduk merupakan cara untuk menyucikan diri seseorang muslim daripada hadas kecil yang melibatkan anggota muka dua tangan hingga ke atas siku, kepala dan dua kaki hingga ke buku lali. Malah, wuduk adalah syarat pada kebanyakan ibadat di mana diwajibkan wuduk bagi solat sama ada solat fardu, sunat ataupun solat jenazah dan ibadat tawaf di Mekah.

Selain itu, diharuskan berwuduk sebelum tidur, berzikir dan melakukan jimak dan kita disunatkan berwuduk sebelum mandi wajib dan memperbaharui wuduk setiap sembahyang.<sup>3</sup> Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ  
وَأَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai dengan siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu sampai dengan kedua mata kaki .....

al-Mā'idah (6): 6

Secara umumnya, terdapat 2 cara bagi seseorang pesakit untuk mengambil wuduk iaitu:

1) Menyapu air ke atas pembalut atau simen atau plaster.

Ia dilakukan sekiranya sukar untuk membasuh anggota wuduk yang terlindung disebabkan adanya pembalut.

2) Tayammum

---

<sup>3</sup> Ahmad Muhammad Kan'an (Dr) (2000), *al-Mawsū'ah al-Ṭibbiyyah al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dār al-Nafāis, hlm 938.

Pesakit boleh bertayammum sekiranya penggunaan air menyebabkan kesakitan ataupun bertambah teruk tempat luka.<sup>4</sup>

Oleh itu, setiap pesakit perlu mengetahui cara berwuduk berdasarkan keadaan dan tahap kesihatan diri mereka dengan mendapatkan nasihat doktor pakar. Pesakit AIDS yang berada pada dua peringkat yang awal iaitu ‘peringkat *window*’ dan ‘peringkat tiada tanda jangkitan HIV’, cara pengambilan wuduk mereka sama seperti orang yang sihat. Ini kerana pada peringkat ini, tiada sebarang jangkitan dan penyakit yang dialami pesakit. Mereka hanya mengalami simptom-simptom biasa seperti demam dan selesema sahaja.<sup>5</sup>

Manakala pada peringkat ketiga iaitu peringkat akhir jangkitan HIV, pesakit akan menghidap pelbagai penyakit dan kanser dalam masa yang sama kerana daya tahan melawan penyakit sudah semakin lemah. Antaranya ialah sejenis kanser kulit yang dikenali sebagai kaposi sarcoma yang boleh dikaitkan dengan masalah pengambilan wuduk pesakit. Menurut Dr. Ban b Attan dan Dr. Faid b Abd Rashid, penggunaan air pada anggota wuduk pesakit tidak menjejaskan kesihatannya kerana ia boleh disusuli dengan rawatan susulan dari pihak kesihatan. Tambahan pula, mereka berpendapat, penggunaan debu tanah untuk bertayammum ke atas pesakit ini adalah lebih berbahaya daripada penggunaan air kerana ia boleh memudaratkan pesakit dan menyebabkan penyakit yang dialami bertambah teruk.<sup>6</sup> Sebaliknya, jika pesakit sudah sampai ke tahap yang kronik sehingga menegah pesakit dari menggunakan air mahupun debu tanah untuk bertayammum, maka wajib ke atas pesakit menunaikan sembahyang untuk menghormati waktu.<sup>7</sup>

Selain itu, bagi pesakit AIDS yang memakai pembalut, simen atau plaster pada anggota wuduknya, maka dia hendaklah membasuh mana-mana anggota wuduk yang

---

<sup>4</sup> *Ibid*

<sup>5</sup> Temubual bersama Dr. Ban b Attan @ Talib, *op.cit* dan Temu bual bersama Dr. Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit*.

<sup>6</sup> *Ibid*

<sup>7</sup> Ahmad Muhammad Kan‘ān (Dr) (2000), *op.cit*, hlm 230.

sihat. Kemudian, hendaklah menyapu dengan air ke atas seluruh pembalut simen atau plaster pada anggota wuduk yang sakit. Pesakit AIDS tidak perlu bertayammum lagi kerana menyapu air ke atas pembalut, simen atau plaster telah menyamai membasuh anggota yang sakit tersebut dengan syarat anggota yang sakit memang perlu dibalut, disimen atau diplaster. Penggunaan bahan tersebut pada anggota yang sakit juga tidak boleh melebihi kadar keperluan.<sup>8</sup>

Dalam Islam, seseorang yang pengan, pitam atau tidak sedarkan diri (koma) akan terangkat dari taklif syarak. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:<sup>9</sup>

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنْ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنْ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ وَعَنْ  
الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ

“ Diangkat taklif syarak dari 3 golongan : Orang yang tidur sehingga dia bangun, bayi sehingga dia bermimpi (baligh) dan orang gila hingga dia berakal.”

Oleh yang demikian, bagi pesakit AIDS yang mengalami radang otak (meningitis) di mana penyakit ini akan menyebabkan pesakit pengan atau tidak sedarkan diri (koma) sama ada sebentar ataupun lama, akan menyebabkan wuduk pesakit tersebut terbatal dan pesakit perlu mengambil wuduk semula untuk menunaikan solat.

---

<sup>8</sup> Anisah Abd Ghani (Dr) (2000), ‘Wuduk dan Solat Sewaktu Sakit’, (Kertas kerja, Regional Conference on Medical Management From The Islamic Perspective di Kuala Lumpur, 18-20 September 2000), hlm 3.

<sup>9</sup> Abī ‘Abd al-Rahman Syarif al-Haq (2000), ‘*Awn al-Ma‘būd Syarḥ Sunan Abī Dawūd*, Kitāb ḥudūd, Bāb fī al-Majnūn Yasriqu aw Yuṣību Ḥaddan, no. hadis 4394. j 12. Beirut : Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, hlm 47.

## Solat

Solat merupakan salah satu cara paling berkesan kepada manusia untuk mendekatkan diri kepada tuhan. Bagi pesakit AIDS, ketaatan dalam menunaikan solat akan menambahkan lagi keberkesanan ubat yang diambil oleh mereka. Solat secara harian boleh dianggap sebagai senaman fizikal semulajadi yang dapat membuatkan badan lebih kuat dan menyerupai bentuk terapi perubatan yang secara terus-menerus memberikan kesan yang positif dan bermanfaat kepada tubuh manusia.<sup>10</sup>

Itulah hikmahnya Allah SWT tidak menggugurkan kefarduan solat terhadap pesakit tidak kira apa jua keadaan pesakit tersebut. Walau bagaimanapun, Allah telah memberi kelonggaran (rukhsah) kepada pesakit yang tidak dapat menunaikan solat dalam keadaan berdiri. Justeru itu, mereka boleh solat secara duduk, berbaring atau tidur dengan menggunakan isyarat tangan atau mata berdasarkan sabda Nabi SAW<sup>11</sup>:

حديث عمران بن حصين رضي الله عنه: ( كَانَتْ بِي بُوْأَسِرٌ، فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ: صَلِّ قَائِمًا، فَإِنْ لَمْ تُسْتَطِعْ فَقَاعِدًا، فَإِنْ لَمْ تُسْتَطِعْ فَعَلَى حَنْبٍ )

“Hadis ‘Imrān bin Husayn :Aku menghidap buasir, maka aku bertanya kepada Nabi Muhammad SAW tentang solatku, maka nabi bersabda : Solat secara berdiri, jika tidak mampu solat dengan duduk dan jika tidak mampu juga hendaklah solat sambil berbaring.”

Sebaliknya, jika seseorang pesakit itu tidak mampu menggunakan isyarat tangan atau mata, solat boleh dilakukan dengan berniat melakukan rukun-rukun dan perbuatan solat di dalam hatinya sahaja. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

<sup>10</sup>Fatimah Ibrahim et.al,(2008), *Solat : Kebaikan dari Perspektif Sains*.Kuala Lumpur: Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya, hlm 92.

<sup>11</sup>Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalāni (1997), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb Taqṣīr al-Salāh, Bāb Idhā Lam Yatiq Qā’idan, Salla ‘ala Janabin, no. hadis 1117.j 2. Riyād: Maktabah Dār al-Salām, hlm 758.



فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ ...

“Maka bertaqwalah kamu kepada Allah menurut kesanggupanmu.”

al-Taghābun (28): 16

Bagi pesakit AIDS pada peringkat pertama dan kedua, ibadat solat hendaklah dikerjakan secara sempurna sepertimana ibadat solat orang yang sihat. Sebaliknya, pesakit AIDS yang berada di peringkat yang ketiga, hendaklah menunaikan solat berdasarkan kemampuan mereka.<sup>12</sup> Menurut pendapat ulama Syāfi‘ī, jika seseorang tidak berupaya berdiri tegak dalam solat fardu, hendaklah berdiri secara membongkok kerana yang mudah tidak gugur dengan sebab tergugurnya yang payah

(الْمَيْسُورُ لَا يَسْقُطُ بِالْعُسُورِ).<sup>13</sup> Manakala jika tidak berupaya langsung untuk berdiri,

hendaklah duduk dengan apa cara sekalipun. Dia boleh melakukan rukuk dengan dahinya bersetentang dengan lutut. Rukuk dan sujud hendaklah sama pada pandangan dengan rukuk orang yang berdiri, kerana orang yang bersembahyang disunatkan melihat pada tempat sujudnya. Menurut pendapat yang *azhar*, duduk seperti dalam tahiyat awal adalah lebih afdal daripada duduk bersila.<sup>14</sup>

Sebaliknya, jika tidak berupaya untuk duduk kerana kesulitan seperti di atas tadi, maka diwajibkan berbaring mengiring dengan muka dan bahagian tubuh menghadap kiblat. Mengiring di atas lambung kanan adalah lebih afdal daripada mengiring di atas lambung kiri. Jika tidak berupaya baring mengiring, hendaklah menelentang dan diwajibkan mengangkat kepala dengan beralaskan sesuatu seperti bantal supaya muka dan bahagian depan tubuhnya menghadap kiblat. Seterusnya, jika seseorang pesakit tidak berupaya menelentang, hendaklah melakukan isyarat dengan

<sup>12</sup> Temu bual bersama Dato’ Hj.Mohd Yusof b Hj.Ahmad, Mufti N.Sembilan, pada 18 Mac 2009 , jam 8.00 pagi.

<sup>13</sup> Wahbah al- Zuhaylī (Dr) (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. j. 2. c 4. Damsyiq:Dār al-Fikr, hlm 826.Lihat juga, ‘Alī al-Nadwī; (1998), *al-Qawā`id al-Fiqhiyyah*. c.4. Damsyiq : Dār al-Qalam, hlm 320.

<sup>14</sup> Wahbah al- Zuhaylī (Dr) (1997), *op.cit.*

mata bagi setiap pergerakan dalam solat dan jika tidak berupaya juga, hendaklah melakukan segala rukun dengan niat dalam hati termasuklah perkara-perkara sunat iaitu dengan menggambarkan dirinya berdiri, rukuk dan seterusnya, kerana itulah yang terdaya dilakukan olehnya dengan hati. Demikian juga keadaannya jika lidah pesakit menjadi kelu, maka bacaan dalam solat hendaklah dibaca di dalam hati. Dengan kata lain, tidak tergugur kewajipan solat ke atas seseorang pesakit selagi masih berakal kerana berakal adalah tanda taklif dan selagi berupaya melakukan setiap peringkat dalam solat (*al-marātib*).<sup>15</sup>

Di samping itu, mazhab Mālikī, Hanbalī dan Imam Nawawī daripada Mazhab Syāfi‘ī mengatakan harus menjamakkan solat untuk orang yang sakit dengan mengiaskannya kepada musafir kerana wujudnya persamaan pada *masyaqqah* pesakit tersebut. Ia bertujuan untuk memberi keringanan kepada pesakit tersebut dalam mendirikan solat.<sup>16</sup> Ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās yang mengatakan:

(جَمَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ، وَبَيْنَ الْمَغْرِبِ بِالْمَدِينَةِ

وَالْعِشَاءِ مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا مَطَرٍ)<sup>17</sup> وَفِي رِوَايَةٍ (مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا سَفَرٍ)<sup>18</sup>

“Nabi Muhammad SAW telah menjamakkan solat zuhur dan asar, solat maghrib di Madinah dan isyak, bukan dalam keadaan takut dan hujan. Riwayat lain, (bukan dalam dalam keadaan takut dan musafir)”.

---

<sup>15</sup> *Ibid*, hlm 827

<sup>16</sup> Ahmad Muhammad Kan‘ān (Dr) (2000), *op.cit*, hlm 616-617.

<sup>17</sup> Muḥy al-Din al-Nawawī, (1999), *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb Ṣalāh, Bāb Ṣalāh al-Musāfirīn, no. hadis 1631. j 5. Beirut : Dār al-Ma‘rifah, hlm 223

<sup>18</sup> Abī ‘Abd al-Rahman Syarif al-Haq (2000), *op.cit*, Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn, Bāb al-Jam’u Baina Ṣalātaini, no. hadis 1207. j 4, hlm 49.



#### 4.2.2- Puasa

Ibadat puasa merupakan semulia-mulia ibadat sehingga Allah SWT berfirman di dalam hadis kudsi iaitu:<sup>19</sup>

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اللَّهُ كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ

“ Setiap perbuatan anak Adam adalah untuk dirinya, kecuali ibadat puasa kerana ibadat puasa untukKu dan Aku akan membalasnya.”

Sakit pula merupakan tanda yang melemahkan tubuh badan dan jiwa manusia.

Kemungkinan dengan sakitnya itu membuatkan dia tidak dapat berpuasa sama ada kerana bersangatan sakit ataupun kerana pesakit amat memerlukan bekalan ubat yang berterusan. Oleh itu, sakit merupakan salah satu sebab dibenarkan berbuka puasa dalam bulan Ramadan berdasarkan firman Allah SWT:

...وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ ...

“ ... (dan barangsiapa sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain....”

al-Baqarah (2):185

Menjadi kewajipan ke atas seseorang pesakit Muslim untuk menjaga puasanya sekadar kemampuan selagi mana puasa itu tidak memberi kemudharatan kepada dirinya. Asas kepada masalah ini adalah taqwa di mana setiap manusia tahu kemampuan dirinya untuk berpuasa. Seseorang mengetahuinya dengan cara zan yang kuat (غلبة الظن) dan ia mencakupi hukum-hakam yang berbentuk amali. Justeru itu, puasa dapat dipraktikkan melalui dua cara. Pertama melalui kaedah percubaan dengan cuba

<sup>19</sup>Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (1997), *op.cit*, Kitāb al-Sawm, Bāb Hal Yaquḷu Innī Sā‘im Idhā Syutima, no. hadis 1904. j 4, hlm 152.

berpuasa sehari atau lebih. Manakala cara yang kedua ialah melalui pemberitahuan oleh doktor muslim yang dipercayai pada agama dan kepakarannya dalam bidang kedokteran yang mengatakan puasanya itu akan memberi kemudahan padanya atau akan bertambah teruk penyakitnya.<sup>20</sup>

Oleh yang demikian, penyakit yang dibenarkan berbuka adalah penyakit yang akan bertambah teruk sekiranya diteruskan ibadat puasa, melambatkan proses penyembuhan ataupun membahayakan mana-mana anggota badan. Bahkan, disunatkan baginya berbuka puasa dan makruh baginya meneruskan ibadat puasa. Ini kerana, bukanlah dikira suatu kebaikan berpuasa ketika sakit kerana puasanya itu memberi kemudahan sepertimana kaedah fiqh mengatakan, menolak kemudahan didahulukan daripada mengambil kemaslahatan (دَفْعُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى حَلْبِ الْمَصَالِحِ).<sup>21</sup> Tambahan pula, bagi penyakit yang tidak memberi kesan ke atas ibadat puasa seseorang, harus baginya berbuka puasa sekiranya zan yang kuat mengatakan dia akan ditimpa sakit sekiranya dia berpuasa.<sup>22</sup>

Menurut Dr.Faid b Abd Rashid, tidak menjadi masalah ke atas pesakit AIDS untuk berpuasa kerana pengambilan ubat oleh pesakit boleh diselaraskan pada bulan Ramadan.<sup>23</sup> Namun, bagi pesakit AIDS yang berniat puasa pada waktu malam hari, kemudian pesakit tersebut pitam sehingga terbenam matahari, maka tidak sah puasanya menurut jumhur ulama kerana mereka mewajibkan niat yang berterusan untuk menentukan sah ibadat puasa seseorang itu. Sebaliknya, menurut mazhab Ḥanafī, mereka mengatakan sah puasa pesakit yang pitam kerana dia telah berniat pada awalnya dan hilangnya niat selepas itu tidak membatalkan puasa tersebut dengan

---

<sup>20</sup> Ahmad Muhammad Kan'ān (Dr) (2000), *op.cit.*, hlm 628.

<sup>21</sup> 'Abd al-'Azīz (Dr) (2001), *al-Maqāṣid al-Syar'iyah fī al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Qāhirah: Dār al-Bayān, hlm 152.

<sup>22</sup> Ahmad Muhammad Kan'ān (Dr) (2000), *op.cit.*

<sup>23</sup> Temu bual bersama Dr. Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit.*

mengiaskan tidur seseorang yang tidak merosakkan puasa.<sup>24</sup> Manakala pesakit AIDS yang pitam, kemudian sedar dan pulih di pertengahan puasa, wajib ke atasnya imsak bagi sepanjang hari tersebut.<sup>25</sup>

Bagi pesakit AIDS yang sudah sampai ke tahap yang kronik, hukumnya sama seperti orang sakit yang tiada harapan untuk sembuh. Ini kerana pada peringkat ini, pesakit menghidap pelbagai penyakit dan kanser disebabkan kurangnya daya tahan melawan penyakit sehingga menyebabkan pesakit koma. Dengan kata lain, gugur ke atas pesakit kewajipan berpuasa dan harus dia berbuka jika berpuasa dan wajib bersedekah secupak makanan menurut kebiasaan penduduk di negerinya bagi hari-hari yang dia tidak berpuasa.<sup>26</sup>

Dalam hal ini, Majlis Ulama Muslimin di Afrika Selatan menyeru orang Islam yang menghidap penyakit AIDS supaya mengambil rukhsah yang diberi oleh Islam yang membolehkan mereka berbuka puasa pada bulan Ramadan. Ia bertujuan untuk memudahkan proses rawatan dan menghindari dari bertambah teruknya penyakit AIDS tersebut. Majlis Ulama Muslimin juga menasihatkan agar pesakit AIDS di Afrika yang menerima rawatan dan mengambil ubat secara berterusan serta kesengsaraan penyakit itu telah sampai ke tahap yang serius, supaya tidak ditaklifkan dengan ibadat puasa.<sup>27</sup>

Namun, dalam hal ini, Dr. Yusuf al-Qaradawī menambah agar masalah ini perlu dirujuk kepada doktor yang *thiqah* bagi memastikan sama ada ibadat puasa seseorang pesakit AIDS itu boleh mendatangkan mudarat kepada dirinya atau tidak. Ini kerana tidak semua pesakit perlu mengambil ubat di siang hari terutama bagi mereka yang tinggal di negara yang siang harinya lebih pendek seperti negara-negara di Eropah ketika musim sejuk.<sup>28</sup>

---

<sup>24</sup> Ahmad Muhammad Kan'ān (Dr) (2000), *op.cit*, hlm 95.

<sup>25</sup> Mustafa al- Khin ; (Dr) et.al (2000), *al-Fiqh al-Manhajī*, j ,c.4. Damsyiq:Dār al-Qalam, hlm 338.

<sup>26</sup> *Ibid*, hlm 351; Temu bual bersama Dato' Hj.Mohd Yusof b Hj.Ahmad, *op.cit*.


<sup>27</sup> Islamonline, <http://www.islamonline.net/Arabic/news/2004-10/21/article03.shtml>, 12 Disember 2007

<sup>28</sup> Ahmad Muhammad Kan'ān (Dr) (2000), *op.cit*, hlm.330

### 4.2.3- Haji

Ibadat haji difardukan ke atas umat Islam sekali sahaja dalam seumur hidup.

Para ulama sepakat dalam hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

 وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ...

“ ...dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu (bagi) orang yang mampu sampai kepadanya.”

Āli-‘Imrān (4):97

Berdasarkan ayat di atas, Islam telah menggariskan beberapa syarat wajib haji, antaranya keupayaan dari segi fizikal, harta dan keselamatan.<sup>29</sup>

Dalam hal ini, ulama bersepakat menyatakan mereka yang menghidap penyakit yang bersifat lama, atau ditimpa lumpuh seumur hidup yang melarangnya melakukan haji ataupun orang yang sudah terlalu tua, maka dia tidak diwajibkan melakukan haji dengan dirinya sendiri. Manakala mereka yang ditimpa penyakit, kecacatan atau lemah tubuh badan, tetapi mampu melakukan haji dengan bantuan orang lain, maka wajib ke atasnya melakukan haji dengan dirinya sendiri dan tidak sah haji orang yang menggantikannya sehingga dia mati. Sebaliknya, dia boleh mewakili orang lain untuk melakukan haji bagi dirinya jika kecacatan yang dialami menegah dia melakukan haji walaupun dibantu oleh orang lain.<sup>30</sup>

Manakala bagi mereka yang sihat tubuh badan dan telah cukup syarat untuk melakukan haji, tetapi lewat mengerjakannya sehingga ditimpa penyakit atau kecacatan yang menegah dirinya dari melakukan haji dan penyakit tersebut tidak ada harapan untuk sembuh, maka masih ada kewajipan haji ke atasnya dan wajib menghantar orang lain untuk membuat badal haji bagi pihaknya.<sup>31</sup> Contohnya, bagi kes pesakit

<sup>29</sup> Wahbah al- Zuhaylī (Dr) (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*.j. 3, c. 4, hlm 2086-2092.

<sup>30</sup> Ahmad Muhammad Kan’ān (Dr) (2000), *op.cit*, hlm 331.

<sup>31</sup> *Ibid*, hlm 95.

AIDS yang berada di peringkat pertama dan kedua (pembawa HIV) yang mampu mengerjakan haji tetapi tidak melakukannya sehinggalah menghidap AIDS (peringkat ketiga).

Badal haji harus dilakukan dalam dua keadaan iaitu:

1) Apabila keupayaan telah hilang. Maksudnya ialah seseorang yang tidak berdaya untuk mengerjakan ibadat haji sendiri disebabkan tua, berpenyakit kronik sehingga tidak mampu untuk duduk dengan tetap di atas kenderaan. Bahkan, apa yang wajib ke atasnya berhubung ibadat haji ini ialah melalui gantian dengan syarat:

i) Ada orang yang akan mengerjakan haji untuknya dengan upah yang berpatutan.

ii) Hendaklah upah yang digunakan nanti merupakan lebih keperluan.

2) Meninggal dunia sebelum sempat mengerjakan haji.<sup>32</sup>

Selain itu, Malaysia merupakan salah satu negara di dunia yang sangat mengambil berat mengenai kesihatan dan kebajikan jemaah haji di tanah suci. Oleh yang demikian, semua jemaah dikehendaki menjalani ujian kesihatan sebagai salah satu syarat untuk mengerjakan haji (Lihat Lampiran I). Namun, tiada ujian khusus untuk menentukan sama ada seseorang itu pembawa HIV ataupun sebaliknya kerana memerlukan kos yang tinggi dan ianya tidak praktikal untuk dilaksanakan. Sebaliknya, ujian HIV dijalankan secara pilihan oleh bakal haji jika mendapati tahap kesihatan mereka tidak memuaskan dan mereka termasuk dalam golongan yang berisiko tinggi untuk mendapat HIV seperti bekas penagih dadah dan sebagainya. Dengan kata lain, keadaan kesihatan bakal haji yang menghidap HIV/AIDS hanya dapat diketahui melalui pengisytiharan kesihatan mereka dalam buku rekod rawatan jemaah haji masing-masing<sup>33</sup> (Lihat Lampiran J).

---

<sup>32</sup> Wahbah al-Zuhaylī (Dr) (1997), *op.cit.*, hlm 2098-2099.

<sup>33</sup> Temu bual bersama Dr. Mohammad Faiz b Abd Rashid, *op.cit.*

Menurut Dr Faid b Abd Rashid, selaku ketua rombongan haji Malaysia, bahagian kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia akan membenarkan pesakit AIDS pada peringkat pertama dan kedua yang dikenali sebagai pembawa HIV untuk mengerjakan haji. Ini kerana keadaan kesihatan mereka sama seperti orang yang sihat dan HIV tidak berjangkit dengan mudah melalui udara, sentuhan, berkongsi peralatan dan sebagainya. Sebaliknya, HIV hanya berjangkit melalui hubungan seks, darah yang tercemar, ibu kepada anak sama ada ketika kehamilan, kelahiran dan penyusuan sahaja. Apa yang penting, pesakit perlu menjaga kesihatan diri mereka ketika menunaikan haji dan mengambil segala langkah-langkah yang perlu bagi mengelakkan sebarang jangkitan terutama ketika bercukur. Selain itu, semua nama pesakit AIDS akan dirahsiakan untuk keselesaan jemaah dan mengelakkan timbulnya diskriminasi di kalangan jemaah haji yang lain. Manakala bagi pesakit AIDS peringkat ketiga, mereka tidak dibenarkan mengerjakan ibadat haji sama sekali. Ia bertepatan dengan pendapat ulama yang mengatakan gugur ibadat haji ke atas pesakit AIDS dan perlu mewasiatkan badal haji <sup>34</sup> (Lihat Lampiran K).

---

<sup>34</sup> *Ibid*; Temubual bersama Dato' Hj.Mohd Yusof b Hj.Ahmad, *op.cit.*; Kementerian Kesihatan Malaysia dan Lembaga Tabung Haji (t.t), *Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Jemaah Haji*.Edisi 4, hlm 9 & 19.

### 4.3- PESAKIT AIDS DAN KEKELUARGAAN

#### 4.3.1-Perkahwinan pesakit AIDS

Perkahwinan merupakan sunnah utama kewujudan manusia. Antara tujuan perkahwinan ialah mendapat kasih sayang dan rahmat antara pasangan. Firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ

مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”

al-Rūm (21): 21

Berdasarkan kepada 3 peringkat jangkitan HIV sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini, kita akan dapati terdapat perbezaan hukum perkahwinan bagi setiap peringkat tersebut. Pada peringkat pertama, iaitu *window period* harus berlaku perkahwinan kerana kedua-kedua pasangan tidak mengetahui adanya jangkitan virus HIV dalam badan mereka. Sekiranya salah satu pasangan mengetahui pasangannya menghidap HIV selepas perkahwinan, maka dia mempunyai pilihan untuk fasakh nikah ataupun meneruskan perkahwinan.

Pada peringkat kedua, iaitu peringkat tiada tanda HIV/AIDS, pasangan dapat mengetahui status kesihatan masing-masing kerana adanya ujian HIV pra-perkahwinan. Pada peringkat ini, pasangan mempunyai pilihan sama ada untuk meneruskan perkahwinan atau sebaliknya. Bagi pasangan yang ingin meneruskan perkahwinan sekalipun mengetahui pasangannya menghidap AIDS, maka sesi kaunseling akan

dijalankan agar pasangan mengetahui risiko yang bakal dihadapi serta mengambil langkah-langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan jangkitan seperti pemakaian kondom dan sebagainya.<sup>35</sup>

Manakala AIDS merupakan peringkat ketiga sebelum kematian pesakit AIDS. Pada peringkat ini, segala tanda-tanda penyakit akan mula kelihatan seperti penyakit kanser, TB, kandidiasis dan lain-lain penyakit yang berbahaya. Kebiasaannya, pesakit hanya akan hidup tidak melebihi 2 tahun. Walaubagaimanapun, ia bergantung kepada tahap kesihatan seseorang.<sup>36</sup> Ciri-ciri yang ada pada pesakit AIDS ini menyamai dengan penerangan oleh ulama klasik dalam masalah *marad al-mawt* (مَرَضُ الْمَوْتِ).

*Marad al-mawt* mengikut Dr.Wahbah al-Zuhaylī ialah sakit yang biasanya menyebabkan kematian mengikut pandangan para doktor ataupun akan berlaku kematian dari penyakit tersebut sekalipun tidak berlaku kematian dari penyakit tersebut.<sup>37</sup>

Menurut Dr. Muḥammad al-Dasūqī, salah seorang tenaga pengajar Syariah di Kuliah Darul ‘Ulūm, Universiti Kaherah menegaskan, para ulama bersepakat mengatakan penyakit yang membawa maut (مَرَضُ الْمَوْتِ) ialah penyakit yang menghalang seseorang dari melakukan aktiviti seharian yang lazimnya dilakukan oleh manusia lain. Contohnya orang yang lemah yang tidak mampu bergerak, peniaga yang tidak mampu meneruskan perniagaannya dan suri rumah yang tidak mampu membuat kerja-kerja harian mereka. Selain itu, penyakit yang membawa maut ini mungkin

---

<sup>35</sup> Temu bual bersama Dr. Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit.* ; Temu bual bersama Dato’ Hj.Mohd Yusof b Hj.Ahmad, *op.cit.* ; Temubual bersama Dr. Ban b Attan @ Talib, Pegawai AIDS/STD Negeri Melaka, pada 22 Januari 2009, jam 3.00 petang.

<sup>36</sup> Nowār Nizār al-‘Ānī (2000), *Aḥkām al-Muṣāb Bi Marad Fiqdān al-Manna’ah al-Muktasibah* (Disertasi, Kulliyah Ilmu Wahyu & Kemanusiaan, UIA), hlm 68.

<sup>37</sup> Wahbah al- Zuhaylī; (1997), *op.cit.*, j.6. Damsyiq: Dār al-Fikr, hlm 4503.



berterusan selama sehari, seminggu mahupun sebulan tetapi tidak melebihi dari setahun.<sup>38</sup>

Daripada takrif ini, kita dapat simpulkan 2 ciri-ciri *maraḍ al-mawt* iaitu penyakit yang menakutkan dan akan membawa kematian. Pada peringkat pertama dan kedua, pembawa HIV tidak termasuk di dalam kategori penyakit yang membawa maut (مَرَضُ الْمَوْتِ). Ini kerana lazimnya pesakit boleh hidup dalam tempoh yang lama sehingga 10 tahun dan tiada gejala-gejala penyakit yang berbahaya. Manakala kedua-dua ciri penyakit yang membawa maut iaitu penyakit yang menakutkan dan membawa maut terdapat dalam pada peringkat yang ketiga (peringkat AIDS).

Menurut mazhab Maliki, tidak sah nikah pesakit yang menghidap penyakit yang membawa maut. Sekiranya berlaku perkahwinan, wajib fasakh perkahwinan tersebut. Sebaliknya, jumhur ulama mengatakan sah perkahwinan pesakit yang menghidap penyakit yang membawa maut (مَرَضُ الْمَوْتِ).<sup>39</sup>

Selain itu, pesakit AIDS wajib menegah dirinya daripada berkahwin kerana hubungan seks merupakan salah satu faktor utama tersebarnya penyakit AIDS. Walau bagaimanapun, jika pesakit AIDS ingin berkahwin juga, maka hendaklah dia memberitahu pasangannya mengenai penyakit yang dialaminya itu. Sesungguhnya tidak sempurna iman seseorang sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri.<sup>40</sup>

---

<sup>38</sup>Islamonline, [http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?c=ArticleA\\_C&cid=1172571512756&pagename=Zone-Arabic-Shariah%2FSRALayout](http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?c=ArticleA_C&cid=1172571512756&pagename=Zone-Arabic-Shariah%2FSRALayout), 18 November 2008.

<sup>39</sup> Nowār Nizār al-‘Ānī (2000), *op.cit*, hlm 70.

<sup>40</sup> Umar Sulaymān al-Asyqar (Dr) (2001), *Dirāsāt Fiqhiyyah fī Qadāyā Tibbiyyah Mu‘āṣarah*, j.1, c.1.Urdan: Dār al-Nafā’is, hlm 36

Sabda Nabi Muhammad SAW:<sup>41</sup>

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ

“ Orang Islam itu adalah bersaudara, dia tidak boleh menzalimi saudaranya dan tidak boleh membiarkan saudaranya dizalimi oleh orang lain.”

Islam tidak menghalang mana-mana pasangan untuk berkahwin sekiranya kedua-duanya menghidap AIDS kerana tiada unsur menzalimi dan memudaratkan antara satu sama lain. Namun, terdapat perbincangan di kalangan para ulama jika salah seorang daripada pasangan bersetuju untuk berkahwin dengan pasangannya walaupun mengetahui pasangannya itu mengidap AIDS. Jika pasangan yang sihat itu adalah wanita, maka walinya berhak menegahinya daripada berkahwin dengan pesakit AIDS berdasarkan pandangan jumbuh ulama.

Menurut jumbuh ulama, perkahwinan wanita tanpa walinya adalah terbatal kerana reda wali merupakan syarat sah nikah walaupun bagi mazhab Hanafī, wanita yang baligh boleh berkahwin tanpa reda walinya.<sup>42</sup> Manakala jika yang sihat adalah lelaki, tiada siapa yang boleh menegahinya dari meneruskan perkahwinan mengikut hukum asal. Walau bagaimanapun, dalam hal ini para ulama mengiaskan masalah perkahwinan lelaki seperti ini dengan hukum yang berkaitan dengan masalah ‘safih’(bodoh). Antara hukum-hakam ‘safih’ ialah membuat sekatan ke atasnya

( الْحَجْرُ عَلَى السَّفِيهِ ) dan menegah segala perbuatannya.<sup>43</sup>

<sup>41</sup>Muhy al-Din, al-Nawawī; (1999), *op.cit*, Kitāb al-Birri wa al-Sillati wa al-Adāb, Bāb Tahrim al-Zulmi, no. hadis 6521. j. 16, hlm 350.

<sup>42</sup>Umar Sulaymān al-Asyqar (Dr) (2001), *op.cit*, hlm.37

<sup>43</sup> *Ibid*, hlm.38

Firman Allah SWT:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ ...

“Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan.”

al-Nisā’(4) : 5

Ulama terdahulu ada membincangkan mengenai sekatan yang dibuat terhadap ‘safih’ akan tetapi perbahasan mereka hanya terhad kepada perkara yang berkaitan dengan harta ‘safih’ sahaja. Para fuqaha menetapkan tegahan ke atas ‘safih’ daripada membelanjakan hartanya melainkan dengan izin walinya. Berdasarkan perbincangan ini, Dr. ‘Umar Sulaymān al-Asyqar dalam bukunya berpendapat bahawa perkahwinan lelaki yang sihat dengan pesakit yang menghidap penyakit seperti AIDS, kusta, dan sopak adalah lebih wajar ditegah dan disekat jika dibandingkan sekatan ‘safih’ pada hartanya. Ini kerana perilaku ‘safih’ yang boleh memudaratkan dirinya lebih bahaya berbanding perbuatannya pada hartanya. Beliau turut mencadangkan agar setiap negara menggubal undang-undang untuk menjaga kehidupan rakyatnya, antaranya ialah menegah orang yang sihat daripada berkahwin dengan pesakit AIDS dan seumpamanya kerana Islam sendiri melarang orang awam mendekati mereka yang mendapat penyakit kusta.<sup>44</sup> Sabda Nabi Muhammad SAW :<sup>45</sup>

قال النبي صلى الله عليه وسلم : فَرَّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ

“Larilah kamu dari penyakit kusta sebagaimana kamu lari daripada singa”

<sup>44</sup> *Ibid*, hlm 38-40.

<sup>45</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī (1997), *op.cit*, Kitāb al-Ṭibb , Bāb al-Judhām, no. hadis 5707. j.10, hlm 195.

Hujah ini telah diperkuat lagi oleh Dr. Waḥbah al-Zuḥaylī dalam kitabnya ‘*al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*’. Menurut beliau, terdapat 2 hukum berkaitan perkahwinan antara pesakit AIDS dengan pasangannya yang sihat iaitu:

1- Apabila AIDS dianggap sebagai penyakit yang tidak dapat disembuhkan (*marad dā'im*) seperti sakit lanjut usia, sakit kronik, penyakit عَنِينٌ (mereka yang tidak boleh menjimak isterinya), atau penyakit جَبٌ (hilang zakar dan buahnya sehingga tidak mempunyai nafsu berahi lagi), maka pasangan tersebut makruh berkahwin.

2- Apabila AIDS bukan sahaja dianggap sakit yang tidak dapat disembuhkan, malah diyakini akan membahayakan orang lain, maka hukum perkahwinan itu adalah haram.<sup>46</sup>

Oleh yang demikian, penulis merumuskan bahawa hukum perkahwinan pesakit AIDS mengikut hukum taklifi yang telah ditetapkan oleh Allah SWT ke atas setiap hambanya. Pesakit AIDS yang berada di peringkat yang pertama ‘*window period*’, hukum perkahwinan mereka adalah sama sepertimana orang yang sihat iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram.<sup>47</sup> Ini kerana virus HIV tidak dapat dikesan pada peringkat ini dan tiada sebarang tanda yang menunjukkan pesakit dijangkiti virus HIV.

Manakala bagi pesakit AIDS yang berada di peringkat kedua dan ketiga, harus sekiranya kedua-dua pasangan yang menghidap AIDS untuk berkahwin. Ini kerana perkahwinan merupakan keinginan dan fitrah semulajadi manusia sebagaimana hajat dan keperluan untuk makan, minum dan pakaian. Malahan, keperluan untuk berkahwin

---

<sup>46</sup> Waḥbah al-Zuḥaylī (Dr) (1997), *op.cit.*, j. 9, c. 4. Damsyiq: Dār al-Fikr, hlm 6516-6517; H. Amidhan (Dr) et.al, (1997), ‘Keputusan Komisi (A) Tuntutan Syariat Islam dalam Bersikap, Bergaul dan Merawat Penderita HIV/AIDS di Indonesia’, (Hasil Muzakarah Nasional Ulama tentang Penanggulangan HIV/AIDS di Jakarta, 22-25 Jun 1997), hlm 7.

<sup>47</sup> Muḥammad Ibrāhīm al- Hafnāwī (Dr) (t.t), *al-Zawāj.* al-Manṣūrah : Maktabah al-‘Īmān, hlm 21.

- i. Wajib- bagi mereka yang mampu dan takut melakukan zina sekiranya tidak berkahwin
- ii. Sunat- bagi mereka yang mampu dan dapat menjamin dirinya dari melakukan perkara yang haram.
- iii. Harus- bagi mereka yang berkeinginan untuk berkahwin tetapi tidak takut terjebak melakukan zina. Perbezaan dengan sunat adalah berdasarkan niat. Jika berniat untuk menegah diri dari melakukan zina atau memperolehi zuriat, maka hukumnya adalah sunat.
- iv. Makruh- bagi mereka yang merasakan akan memudaratkan isteri.
- v. Haram- bagi mereka yang yakin akan melakukan kezaliman terhadap isteri.

mungkin semakin tinggi. Sebaliknya, haram perkahwinan jika salah seorang daripada pasangan menghidap AIDS walaupun undang-undang sedia ada membenarkan mereka yang sihat berkahwin dengan pesakit AIDS (selepas diberi kaunseling). Dalam hal ini, penulis berpendapat wali, pemerintah atau hakim hendaklah melarang perkahwinan tersebut kerana ia akan membahayakan pasangan yang sihat. Ia bertepatan dengan kaedah "لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارٌ" yang bermaksud 'tidak ada mudarat dan tiada yang memudaratkan'.<sup>48</sup>

Di samping itu, perkahwinan antara pasangan yang sihat dan pesakit AIDS bertentangan dengan *maqāṣid syar'iyah* iaitu *maṣlahah* menjaga nyawa dan keturunan. Perkahwinan mereka juga sudah pasti akan menjejaskan keharmonian rumahtangga antara kerana tujuan perkahwinan adalah untuk menghalalkan hubungan seks dan mendapat zuriat.

Walaupun demikian, perkahwinan antara pesakit AIDS dan pasangannya yang sihat adalah sah mengikut syariat Islam kerana sesebuah perkahwinan terbina jika cukup rukun dan syarat nikah. Selain itu, perkahwinan seseorang hanya boleh ditamatkan melalui perceraian oleh suami ataupun permohonan fasakh sama ada dari suami mahupun isteri.

#### **4.3.2- Fasakh Nikah**

Secara umumnya, tiada perbincangan khusus dikalangan para ulama silam mengenai hukum fasakh nikah bagi pesakit AIDS. Walaubagaimanapun, perbincangan mengenai keaiban yang menimpa salah seorang pasangan suami isteri yang

---

<sup>48</sup>Alī al-Nadawī (1998), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, c. 4. Damsyiq: Dār al-Qalam, hlm 291.

mbolehkan mereka menuntut fasakh boleh dikaitkan dengan masalah fasakh nikah bagi pesakit AIDS.<sup>49</sup>

Menurut Dr. 'Umar Sulaymān al-Asyqar dalam kitabnya '*Dirāsāt Fiqhiyyah fī Qadāyā Tibbiyyah Mu'āṣarah*', terdapat 3 pandangan yang membahaskan mengenai hukum fasakh nikah bagi pesakit AIDS iaitu:

i. Pandangan Pertama (Mazhab Zahirī dan Mazhab Ḥanafī)

Menurut mazhab Zahirī, mereka tidak mengharuskan mana-mana pasangan suami isteri meminta untuk menfasakhkan nikah sekiranya dia mendapati pasangannya ada mempunyai penyakit, tidak kira apa jua jenis penyakit.

Manakala bagi mazhab Ḥanafī, suami tidak boleh meminta untuk menfasakhkan nikah sekiranya dia mendapati isterinya ada mempunyai penyakit, tidak kira apa jua jenis penyakit. Manakala bagi isteri, dia diberi hak menfasakhkan nikah sekiranya aib yang terdapat pada suaminya adalah penyakit seks. Sekiranya keaiban tersebut merbahaya seperti penyakit AIDS, kusta dan sopak, maka isteri tidak mempunyai hak untuk meminta fasakh. Kesimpulannya, mazhab Ḥanafī tidak membolehkan mana-mana pasangan suami isteri meminta untuk menfasakhkan nikah sekiranya dia mendapati pasangannya menghidap penyakit AIDS.<sup>50</sup>

ii. Pandangan Kedua (Mazhab Malikī, Syafi'ī dan Ḥanbalī)

Bagi Mazhab Jumhur di kalangan Malikī, Syafi'ī dan Ḥanbalī, mereka bersepakat membahagikan aib yang diharuskan fasakh kepada tiga bahagian iaitu:

Bahagian 1 : Keaiban yang dikhususkan kepada lelaki

1.1- **الْجَبُّ** -kemaluan yang terpotong

1.2- **الْعَيْنُ** -tidak boleh menjimak isteri

---

<sup>49</sup> 'Umar Sulaymān al-Asyqar (Dr) (2001), *op.cit*, hlm 41.

<sup>50</sup> *Ibid*, hlm 51.

Bahagian 2 : Keaiban yang dikhususkan kepada perempuan

2.1- الرَّتْقُ -Aib yang menghalang jimak (Kemaluan perempuan yang tertutup

dan menghalang masuk zakar suaminya.)

2.2- الفَتَقُ -iaitu bercampurnya tempat keluar air kencing dan air mani.

Bahagian 3 : Aib yang dikongsi antara lelaki dan perempuan

Mereka bersepakat menyatakan aib yang dimaksudkan ada tiga iaitu sopak, kusta dan gila. Manakala mazhab Malikī menambah satu lagi aib iaitu mereka yang kencing atau berak ketika jimak.<sup>51</sup>

iii. Pandangan Ketiga

Sekumpulan ulama yang terdiri daripada Saydina ‘Umar bin al-Khattāb, Saydina ‘Ali bin Abī Tālib, Qadi Syurayh dan Ibnu al-Qayyim, berpendapat boleh fasakh nikah setiap aib yang ‘*mustahkam*’ yang menegah dari nikah ataupun memudaratkan pasangan yang sihat ataupun menjauhkan diri antara satu sama lain (التَّنْفِيرُ).<sup>52</sup>

Berdasarkan pandangan kedua yang terdiri daripada mazhab Malikī, Syafi‘ī dan Ḥanbalī, Dr. ‘Umar Sulaymān al-Asyqar mentarjihkan ketiga-tiga pendapat mazhab ini iaitu mana-mana pasangan suami isteri boleh meminta untuk menfasakhkan nikah sekiranya dia mendapati pasangannya menghidap penyakit AIDS. Beliau turut membahagikan aib yang membolehkan fasakh nikah kepada 2 bahagian iaitu:-

Bahagian 1: Merangkumi kedua-dua bahagian (khusus untuk lelaki dan khusus untuk perempuan) sebagaimana pembahagian ulama terdahulu. Ia dinamakan aib seks yang menghalang hubungan seks dan jimak suami isteri.

Bahagian 2: Ia adalah sama dengan pandangan mazhab Malikī, Syafi‘ī dan Ḥanbalī iaitu aib yang berkongsi antara lelaki dan perempuan iaitu sopak, kusta, gila

---

<sup>51</sup> *Ibid*, hlm. 45-47

<sup>52</sup> *Ibid*, hlm. 48

dan العَذِيْبَةُ (kencing atau berak ketika jimak). Kesemua aib tersebut mengandungi unsur merbahaya dan menjauhkan (التَّنْفِيْرُ). Dengan kata lain, aib tersebut menyebabkan salah seorang dari pasangan suami isteri akan menjauhkan diri antara satu sama lain dan boleh mendatangkan kemudharatan melalui pemindahan penyakit tersebut kepada pasangannya.<sup>53</sup>

Menurutnya lagi, jika suatu penyakit itu hanya mengandungi unsur menjauhkan (التَّنْفِيْرُ) dan tidak mengandungi sebarang unsur bahaya, maka pasangan tersebut tidak boleh memohon untuk menfasakhkan perkahwinan mereka kerana wujud banyak penyakit yang tidak merbahaya sekalipun bersifat ‘menjauhkan’ seperti buta, pekak, lumpuh dan kurap.<sup>54</sup>

Dr. ‘Umar Sulaymān al-Asyqar turut menyimpulkan pandangan ulama ketiga yang membolehkan fasakh nikah setiap aib yang *mustahkam* kepada membolehkan fasakh nikah bagi penyakit AIDS kerana penyakit ini lebih merbahaya dari penyakit-penyakit yang disebut oleh para ulama silam. Berdasarkan ketiga-tiga pandangan tersebut, beliau telah mentarjihkan dalam kitabnya bahawa boleh fasakh nikah setiap aib yang *mustahkam* yang mengandungi unsur bahaya dan menjauhkan (التَّنْفِيْرُ). Hujah beliau telah dikuatkan lagi melalui resolusi yang dibuat oleh peserta nadwah yang bertajuk “Pandangan Islam terhadap masalah sosial bagi penyakit AIDS”. Dalam seminar tersebut, satu resolusi telah dibuat yang menetapkan bahawa harus bagi pasangan meminta fasakh dari pasangannya yang menghidap AIDS kerana penyakit AIDS merupakan penyakit berjangkit yang dipindahkan melalui hubungan seks.<sup>55</sup> Selain itu, ketetapan yang sama turut dikeluarkan dalam seminar persidangan ke-9

---

<sup>53</sup> *Ibid*, hlm 52.

<sup>54</sup> *Ibid*, hlm 53.

<sup>55</sup> *Ibid*, hlm 54; H.Amidhan (Dr) et.al, (1997), *op.cit*, hlm 7



yang diadakan oleh Majma' Fiqh Islāmī di Abu Zabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), pada 1-6 April 1995.<sup>56</sup>

Kesimpulannya, penulis berpendapat sekiranya pasangan yang sihat mengetahui pasangannya menghidap AIDS selepas berlaku perkahwinan, pasangan yang sihat berhak memohon fasakh kerana syarat berterusannya perkahwinan ialah pasangan, khususnya si suami berkemampuan untuk melakukan hubungan seks. Tambahan pula, kemampuan seksual suami isteri sangat penting untuk menjamin kebahagiaan sesebuah rumahtangga kerana ia merupakan faktor utama memperolehi zuriat. Sebaliknya, kesihatan pesakit AIDS dari segi jasmani, rohani, dan mental akan terjejas mengikut peredaran masa, sekaligus gagal menunaikan tanggungjawab sebagai suami atau isteri dengan sempurna. Dengan kata lain, kesihatan yang baik dapat menjamin kebahagiaan dan keharmonian sesebuah rumahtangga.

Selain itu, kemungkinan berlakunya jangkitan semasa hubungan seks amat tinggi lebih-lebih lagi jika pasangan enggan menggunakan kondom semasa hubungan seks. Keengganan pesakit AIDS ini secara langsung akan menzalimi pasangan yang sihat untuk mendapat *maqāṣid* sesebuah perkahwinan iaitu menghalalkan hubungan seks dan mendapat zuriat. Hal ini secara tidak langsung turut menjejaskan keharmonian sesebuah rumahtangga.

Oleh itu, penulis berpendapat, pasangan yang sihat berhak dan harus memohon fasakh daripada hakim kerana AIDS tidak kurang bahayanya daripada penyakit-penyakit yang telah disebut oleh ulama silam. Bahkan, sebahagian besar penyakit yang dinyatakan telah dijumpai penawarnya sebaliknya AIDS masih belum ada ubat yang dapat menyembuhkannya dan ia boleh membawa kematian. AIDS bukan sahaja boleh menjangkiti suami atau isteri, malah boleh berjangkit kepada anak-anak dan kaum keluarga sekiranya tidak mengambil langkah-langkah pencegahan yang betul.

---

<sup>56</sup> Wahbah al-Zuhaylī (Dr) (1997), *op.cit.*, j.7, hlm 5256.

### 4.3.3- Hubungan Seks

Sekiranya kedua-dua pasangan suami isteri menghidap penyakit AIDS, maka tiada halangan bagi mereka untuk melakukan hubungan seks. Ini kerana tiada kemudaratan berlaku diantara pasangan suami isteri disebabkan kedua-duanya telah dijangkiti AIDS. Namun, pasangan dinasihati agar mengambil segala langkah yang perlu agar tidak hamil kerana AIDS boleh berjangkit kepada anak dalam kandungan. Sebaliknya, jika salah seorang daripada pasangan tersebut menghidap AIDS dan pasangannya sedia untuk kekal bersama, maka pesakit AIDS tadi tidak boleh memaksa pasangannya yang sihat untuk melakukan hubungan seks. Ini kerana AIDS boleh berjangkit melalui hubungan seks dan akan membahayakan pasangannya.<sup>57</sup>

Dalam hal ini, para doktor menasihatkan para suami supaya menggunakan kondom ketika mengadakan hubungan seks. Walau bagaimanapun, penggunaan kondom hanya dapat meminimalkan jangkitan penyakit AIDS kepada pasangan yang sihat tetapi ia tidak menegah dari terkena penyakit AIDS tersebut. Tambahan pula, sebahagian besar lelaki tidak menggunakan kondom dengan cara yang betul. Kadangkala, kondom boleh berlubang atau terkoyak ketika melakukan hubungan seks. Ini secara tidak langsung akan memindahkan penyakit AIDS kepada pasangan yang sihat. Kenyataan ini telah diperkukuhkan lagi melalui resolusi yang dibuat dalam satu seminar yang bertajuk “Pandangan Islam terhadap masalah sosial bagi penyakit AIDS” yang turut menyarankan agar setiap pasangan yang sihat menegah dirinya dari melakukan hubungan seks kerana ia merupakan salah satu faktor utama tersebarnya AIDS. Sebaliknya, jika pasangan yang sihat bersetuju untuk melakukan hubungan seks, maka dia hendaklah menggunakan kondom.<sup>58</sup>

---

<sup>57</sup> Umar Sulaymān al-Asyqar (Dr) (2001), *op.cit*, h.63

<sup>58</sup> *Ibid*; H.Amidhan (Dr) et.al, (1997), *op.cit*, hlm 8

#### 4.3.4- Kehamilan dan Pengukuran Anak

Menurut Sheikh Ahmad Kutty, ulama Islam di Islamic Institute of Toronto, Ontario, Kanada, kehamilan pesakit AIDS adalah diharuskan asalkan mereka mengambil semua tindakan pencegahan yang diperlukan sebaik mungkin untuk menjamin perlindungan anak mereka. Malahan, hal ini tidak berbeza dengan pesakit yang menghidap penyakit berjangkit yang lain dan dibenarkan untuk melahirkan anak.<sup>59</sup>

Walaupun bagaimanapun, menurut Dr. 'Umar Sulayman al-Asyqar, pesakit AIDS wanita hendaklah sentiasa mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah kehamilan.

Ini adalah disebabkan :

- 1) Virus AIDS boleh berpindah kepada janin ketika perempuan itu hamil, melahirkan dan juga ketika menyusukan anak. Kajian mengatakan risiko AIDS boleh berpindah kepada janin adalah 10% dan ketika melahirkan anak adalah mencapai 30 %.
- 2) Perempuan diciptakan dalam keadaan lemah dan kehamilan akan membuatnya bertambah lemah. Oleh itu, wajarlah baginya tidak mengandung.
- 3) Pesakit AIDS tidak mampu untuk menjaga dirinya apatah lagi anak yang dikandung, terutama jika penyakit itu sudah sampai ke peringkat yang terakhir. Pesakit AIDS pada peringkat ini hanya akan memikirkan mengenai penyakitnya hingga terpaksa meminta bantuan orang lain untuk menjaganya.<sup>60</sup>

---

<sup>59</sup>Islamonline, [http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?cid=1119503547920&pagename=IslamOnline-English-Ask\\_Scholar%2FFatwaE%2FFatwaEAskTheScholar#ixzz0cmZo3058](http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?cid=1119503547920&pagename=IslamOnline-English-Ask_Scholar%2FFatwaE%2FFatwaEAskTheScholar#ixzz0cmZo3058), 20 Januari 2010.

<sup>60</sup> 'Umar Sulaymān al-Asyqar (Dr) (2001), *op.cit*, hlm 64

Sekiranya perempuan itu hamil, para ulama sepakat menyatakan haram si ibu menggugurkan kandungannya jika telah ditiupkan roh ke atas janin. Namun, mereka berselisih pendapat jika pengguguran dilakukan sebelum janin ditiupkan roh. Sebahagian ulama menegah secara mutlak manakala sebahagian yang lain mengharuskannya. Selain itu, para ulama turut berselisih pendapat mengenai waktu janin ditiupkan roh sama ada pada hari yang ke 40 atau sempurna 4 bulan 10 hari.<sup>61</sup>

Dr. 'Umar Sulaymān al-Asyqar melalui kajiannya "Permulaan dan Pengakhiran Satu Kehidupan" menyatakan mazhab Ḥanbalī mengharuskan pengguguran janin yang kurang dari 4 bulan berdasarkan hujah janin ketika ini seperti dalam keadaan mati. Manakala bagi mazhab Syāfi'ī, diharuskan pengguguran sebelum janin itu terbentuk dan haram hukumnya jika sudah terbentuk tubuh badannya. Berdasarkan kajian tersebut, Dr. 'Umar Sulayman al-Asyqar berpendapat kedua-dua mazhab ini tidak teliti dalam membincangkan masalah ini. Ini kerana dasar kepada hukum pengguguran bukanlah bersandarkan keadaan janin sama ada dalam keadaan mati mahupun sudah terbentuk tubuh badannya, tetapi dasar hukum yang sebenarnya ialah keizinan Allah SWT yang membenarkan kita mencerooboh hak janin untuk hidup sama ada sebelum janin terbentuk ataupun sebelum peringkat ditiupkan ruh.<sup>62</sup> Hujah beliau adalah berdasarkan hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ امْرَأَتَيْنِ مِنْ هُدَيْلٍ رَمَتَا إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى فَطَرَحَتْ جَنِينَهَا  
فَقَضَى فِيهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعُرَّةٍ عَبْدٍ أَوْ أَمَةٍ

Hadis diriwayatkan oleh Abū Hurairah r.a: "Sesungguhnya ada dua orang wanita dari Banī Huzail, salah seorang darinya memukul yang lain, sehingga menyebabkan janinnya keguguran. Maka Nabi SAW memutuskan kepada wanita yang telah memukulnya itu untuk membayar diat yang berupa seorang hamba lelaki atau perempuan."<sup>63</sup>

<sup>61</sup> *Ibid*, hlm 65

<sup>62</sup> *Ibid*, hlm 106

<sup>63</sup> Muḥy al-Dīn, al-Nawawī; (1999), *op.cit*, Kitāb al-Qasāmah wa al-Muḥāribīn wa al-Qiṣāṣ wa al-diyāt, Bāb Diyāt al-Janīn wa Wujūb al-Diyah fī Qatli al-Khaṭā' wa Shibhu al-'Amdī 'alā 'Āqilah al-Jānī, no. hadis 4365. j.11, c. 6. Beirut : Dār al-Ma'rifah, hlm 175.

Beliau juga mengambil pendapat Imam Ibnu Taimiyyah yang mengatakan perempuan hamil yang sengaja menggugurkan janinnya dengan cara memukul perut atau memakan ubat adalah satu jenayah dan perempuan hamil tersebut dikehendaki membayat diat seorang hamba.<sup>64</sup>

Dalam Seminar Fiqh Perubatan yang diadakan oleh Organisasi Islam bagi Sains Perubatan-Kuwait pada 24 Mei 1983, yang bertajuk “Kelahiran mengikut perspektif Islam” telah membuat satu resolusi yang menyatakan bahawa tidak harus sebarang pencerobohan ke atas janin dengan cara menggugurkan kandungan kecuali terdapat darurat yang melampau kerana janin hidup semenjak kehamilan dan dihormati pada setiap perkembangan janin terutama selepas ditiupkan roh. Walau bagaimanapun, sebahagian peserta berselisih pendapat mengenai harusnya pengguguran sebelum cukup 40 hari khususnya ketika ada keuzuran.<sup>65</sup>

Hal ini diperkukuhkan lagi melalui resolusi yang dibuat dalam seminar yang seterusnya pada tahun 1985 oleh organisasi yang sama yang bertajuk “Kehidupan Islam, Permulaan dan Pengakhirannya mengikut Perspektif Islam”. Satu kesimpulan telah dibuat melalui seminar ini iaitu:

- 1)Permulaan hayat manusia bermula apabila sperma bertemu dengan telur perempuan.
- 2)Apabila telah tetap kehamilan pada badan perempuan, maka diberi kehormatan janin tersebut dan membawa hukum hakam syarak seperti yang dimaklumi.
- 3)Apabila janin sampai tempoh ditiupkan roh (sama ada 120 hari ataupun 40 hari), maka semakin besar kehormatan pada janin dan ada padanya hukum hakam yang lain.
- 4)Antara hukum hakam yang terpenting adalah hukum pengguguran .<sup>66</sup>

---

<sup>64</sup> Umar Sulaymān al-Asyqar (Dr) (2001), *op.cit*, hlm 108.

<sup>65</sup> *Ibid*, hlm 65

<sup>66</sup> *Ibid*, hlm 66.

Berdasarkan ketetapan yang dikeluarkan melalui kedua-dua seminar tersebut, Dr. ‘Umar Sulaymān al-Asyqar telah menyimpulkan bahawa perempuan yang menghidap AIDS tidak harus menggugurkan kandungannya dengan sengaja. Alasan ada ‘keuzuran’ yang diberi oleh mereka yang membolehkan pengguguran, tidak menguatkan hujah untuk membenarkan pencerobohan ke atas janin. Ini kerana pengguguran tidak dapat menyelamatkan kehidupan ibu yang hamil, malah si ibu akan terus menghidap AIDS sama ada berlakunya pengguguran atau tidak.<sup>67</sup>

Walaupun bagaimanapun, kemungkinan janin dijangkiti AIDS bergantung pada ketetapan Allah SWT. Alasan ‘takut dijangkiti’ sama sekali tidak membenarkan pencerobohan ke atas janin. Seminar ke-6, Fiqh Perubatan yang diadakan oleh Organisasi Islam bagi Sains Perubatan yang bertajuk “Pandangan Islam terhadap masalah sosial bagi penyakit AIDS” telah menguatkan hujah dalam kedua-dua seminar yang sebelumnya bahawa tidak harus mencerooboh janin sekalipun ibunya menghidap AIDS.<sup>68</sup>

Majma’ Fiqh Islāmī yang mengadakan seminar persidanganya yang ke-9 di Abu Zābī di Emiriah Arab Bersatu ( UAE ) pada 1-6 April 1995, turut mengeluarkan satu ketetapan berkenaan pengguguran oleh ibu yang menghidap AIDS seperti berikut :

“Melihat kepada berpindahnya jangkitan dari ibu hamil yang menghidap AIDS kepada janinnya tidak berlaku pada kebiasaannya kecuali selepas kandungan semakin membesar (selepas ditiup ruh pada janin ) ataupun semasa kelahiran, maka tidak harus menggugurkan janin secara syarak ”.<sup>69</sup>

Di Malaysia, berdasarkan keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-26 dan 52, haram

---

<sup>67</sup> *Ibid*, hlm 67.

<sup>68</sup> *Ibid* ; H.Amidhan (Dr) et.al, (1997), *op.cit*, hlm 9.

<sup>69</sup> Wahbah al- Zuhaylī ( Dr) (1997), *op.cit.*, hlm 5255.

menggugurkan kandungan disebabkan kecacatan yang berlaku ke atas janin<sup>70</sup> atau janin merupakan pembawa atau penghidap penyakit thalassaemia<sup>71</sup> yang telah berumur melebihi 120 hari. Ini kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin. Manakala makruh hukumnya menggugurkan janin yang berumur di antara 1 hari hingga 40 hari sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada si ibu dan mendapat persetujuan daripada kedua-dua suami isteri. Bagi janin yang berumur sebelum 120 hari pula, ijmak fuqaha berpendapat hukumnya adalah harus sekiranya janin itu cacat dan berpenyakit yang boleh membahayakan nyawa ibu.

Berdasarkan pendapat para ulama, seminar fiqh dan muzakarah fatwa kebangsaan, penulis berpendapat pengguguran ke atas janin yang ibunya menghidap AIDS adalah haram sekiranya umur janin melebihi 120 hari. Sebaliknya, jika umur janin kurang daripada 120 hari, si ibu tidak harus menggugurkan kandungannya kerana kehormatan janin sudah terpelihara semenjak peringkat awal kejadiannya, bermula dari peringkat setitis air mani (الْطُّفَةُ). Ini berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن نُّرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ  
 ثُمَّ مِّنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّنْ مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُّخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقَرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا  
 نَشَاءُ إِلَيَّ أَجَلٌ مُّسَمًّى...

“Wahai manusia, jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (dari kubur), maka (ketahuilah) sesungguhnya kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitis air mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, agar kami jelaskan kepada kamu dan kami tetapkan dalam rahim, apa yang kami kehendaki sampai waktu yang sudah ditentukan...”

al-Hajj (13):5

<sup>70</sup>Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (2009). Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm 84.

<sup>71</sup> Ibid, hlm 87.

Selain itu, pengguguran janin disebabkan ibunya menghidap AIDS adalah amat bertentangan di antara *mafsadah* (iaitu agar janin tidak lahir dan menghidap AIDS) dan *maṣlahah* (iaitu bayi dibiarkan hidup) kerana ini merupakan haknya walaupun ia ditakdirkan menghidap AIDS apabila dilahirkan. Pertentangan antara *maṣlahah* dan *mafsadah* tidak boleh berlaku pada masa yang sama. *Maṣlahah* membiarkan ia hidup dan menolak *mafsadah* iaitu janin akan dijangkiti AIDS sama ada ketika dalam kandungan atau ketika dilahirkan merupakan dua keadaan yang perlu diperhatikan oleh para ulama di dalam menentukan hukum pengguguran di kalangan pesakit AIDS wanita. Ini berdasarkan kaedah fiqh berikut:

فَالصَّلَاحَةُ إِذَا كَانَتْ هِيَ الْعَالِيَةُ عِنْدَ مُنَاطِرَتِهَا مَعَ الْمَفْسَدَةِ فِي حُكْمِ  
الْإِعْتِيَادِ ، فَهِيَ الْمَقْصُودَةُ شَرْعًا

“Jika sesuatu *maṣlahah* itu lebih besar daripada *mafsadah* pada hukum tertentu, maka *maṣlahah* itulah yang dimaksudkan oleh syarak.”<sup>72</sup>

Berdasarkan kaedah fiqh di atas, penulis merumuskan bahawa *maṣlahah* membiarkan janin hidup adalah lebih utama dan didahulukan daripada *mafsadah* janin dijangkiti AIDS. Ini disebabkan beberapa faktor iaitu tidak semua bayi yang dilahirkan oleh ibu yang menghidap AIDS akan turut dijangkiti AIDS. Dengan kata lain, *mafsadah* menggugurkan bayi adalah suatu perkara yang ragu-ragu (*zan*). Selain itu, usaha yang dilakukan oleh pakar-pakar di bidang perubatan pada masa kini dan akan datang dapat menjamin kehidupan pesakit AIDS yang lebih berkualiti. Hal ini terbukti apabila ramai pesakit AIDS dapat hidup lebih lama sekiranya diberikan rawatan.

<sup>72</sup>Aḥmad al-Raisūnī (Dr) (1995), *Naẓariyyat al-Maqāṣid ‘inda al-Imām al-Ṣhāṭibī*, c.4.Riyāḍ: al-Dār al-‘Ālamiyyah lil Kitāb al-Islāmī, hlm 259.



#### 4.3.5- Hadanah dan Penyusuan

Sekiranya ibu yang menghidap AIDS melahirkan anak dan anak itu juga menghidap AIDS, adalah tidak menjadi kesalahan bagi si ibu untuk menyusu dan memelihara anak tersebut. Sebaliknya, jika anak yang dilahirkan sihat dan si ibu dapat mencari perempuan lain untuk menyusu dan memelihara anaknya, maka wajib bagi ibu menegah dirinya dari menyusu dan memelihara anak tersebut. Penyusuan ibu yang menghidap AIDS dan memelihara anak tersebut dikhuatiri akan menyebabkan anak tadi turut dijangkiti dengan penyakit AIDS. Walau bagaimanapun, jika tiada orang yang mahu menyusu dan memelihara bayi tersebut serta langkah meninggalkan bayi tanpa susuan dan peliharaan akan membawa kepada kecelakaan dan kematian bayi tersebut, maka wajib bagi si ibu itu menyusu dan memeliharanya.<sup>73</sup>

Terdapat juga pendapat yang menyarankan agar si ibu memberi susu buatan atau susu haiwan kepada anaknya dan tidak harus ibu yang menghidap AIDS menyusukan anaknya kerana dikhuatiri anak tersebut akan turut dijangkiti AIDS. Oleh itu, wajib menegah bayi yang sihat dari menyusu susu ibunya yang menghidap HIV/AIDS untuk menjaga kehidupan mereka dan menolak kemudaratan dengan mendedahkan diri mereka kepada risiko jangkitan HIV. Menjaga nyawa merupakan salah satu dari lima *maqāṣid* syarak yang perlu dijaga. Sesungguhnya Allah SWT melarang umatnya mencampakkan diri mereka ke lembah kecelakaan.<sup>74</sup> Firman Allah SWT:

.....  
..... وَلَا تُلقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ .....  
.....

“...dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.”

al-Baqarah (2):195

<sup>73</sup> ‘Umar Sulaymān al-Asyqar (Dr) (2001), *op.cit*, hlm 68

<sup>74</sup> Nowār Nizār Al-‘Āni (2000), *op.cit*, hlm 101; Temu bual bersama Dato’ Hj.Mohd Yusof b Hj.Ahmad, *op.cit*.

Namun, pendapat ini telah disangkal melalui satu kajian sains oleh para doktor yang mendapati susu ibu tiada bandingannya. Penggunaan susu buatan sebagai ganti boleh menyebabkan bahaya yang sama ataupun lebih bahaya dari kemungkinan bayi itu dijangkiti AIDS. Dalam hal ini, kaedah syarak mengambil kemudharatan yang lebih ringan dari kemudharatan yang lebih besar.<sup>75</sup>

Hujah ini diperkuatkan lagi melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bahawa susu ibu dapat menjaga bayi daripada kematian yang berpunca dari pelbagai penyakit. Kenyataan itu juga menyebut, penggunaan susu buatan juga merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kematian 1 juta setengah bayi yang berpunca dari penyakit cirit-birit. Daripada kenyataan ini, dapatlah disimpulkan bahawa:

- 1- Kemungkinan bayi akan dijangkiti AIDS melalui penyusuan
- 2- Kemungkinan kematian bayi disebabkan penyakit lain kesan dari pengharaman ibu yang menghidap AIDS menyusukan anaknya.

Kenyataan dari WHO ini telah menggesa para ibu yang menghidap AIDS menyusukan anaknya jika dikhuatiri dengan tidak menyusukan anaknya itu akan menyebabkan risiko kematian yang berpunca dari pelbagai penyakit berjangkit ataupun berpunca dari salah pemakanan. Sebaliknya, di tempat-tempat yang mana penyakit berjangkit bukan faktor utama yang menyumbang kepada kematian bayi, maka dinasihatkan si ibu yang menghidap AIDS agar tidak menyusukan bayinya. WHO juga menyeru para ibu ini agar mengamalkan cara pemakanan yang selamat untuk bayi mereka.<sup>76</sup>

Kenyataan agar si ibu yang menghidap AIDS tidak menyusukan bayinya jika penyakit berjangkit bukan faktor utama kematian bayi di sesetengah tempat telah disangkal oleh Dr. ‘Umar Sulaymān al-Asyqar dalam kitabnya ‘*Dirāsāt Fiqhiyyah fī Qadāyā Tibbiyyah Mu‘āṣarah*’. Menurut beliau, kenyataan ini telah dibuat secara

---

<sup>75</sup>Umar Sulaymān al-Asyqar (Dr) (2001), *op.cit*, hlm 69.

<sup>76</sup> *Ibid*, hlm 70-71.

tergesa-gesa. Beliau mengambil pendapat Doktor Muḥammad Ḥaitham al-Khiyāṭ dan Doktor Muḥammad Helmī Wahdān dalam kertas kerjanya yang dibentang pada seminar yang bertajuk “Pandangan Islam terhadap masalah-masalah sosial bagi penyakit AIDS”, anjuran Organisasi Islam bagi Sains Perubatan dengan kerjasama WHO, yang mengatakan virus HIV yang berpindah dari ibu kepada bayi melalui penyusuan, bilangannya amat sedikit. Kedua-dua doktor itu juga menyebut, kadar wujudnya virus HIV dalam susu ibu adalah amat sedikit sebagaimana yang terdapat dalam air peluh, air liur dan air kencing. Tambahan pula, virus HIV tidak berjangkit melalui anggota penghadaman sebaliknya kemungkinan jangkitan virus HIV berlaku melalui luka yang terdapat pada payudara si ibu akibat daripada hisapan atau gigitan yang kuat oleh bayi ketika menyusu melalui mulutnya.<sup>77</sup>

Hasil perbincangan dari seminar tersebut, dari segi syarak, para ibu yang menghidap AIDS tidak ditegah untuk memelihara anaknya. Namun, sebagai langkah berjaga-jaga, si ibu tadi dinasihatkan agar tidak menyusukan anaknya jika ada perempuan lain yang boleh menyusukannya ataupun ada ganti bagi susu ibu tersebut. Sekiranya ada keuzuran berbuat demikian, maka wajib ke atas ibu itu untuk menyusukan anaknya bagi memelihara dari sebarang kecelakaan<sup>78</sup>

Selain itu, satu ketetapan yang tidak menghalang ibu yang menghidap AIDS untuk menjaga dan menyusukan anaknya selagi tiada tegahan doktor, telah dikeluarkan melalui satu seminar anjuran Majma’ Fiqh Islāmī yang ke-9 di Abu Zabī, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 1-6 April 1995. Dalam seminar itu dinyatakan:

“ apabila maklumat *ṭibbiyyah* semasa menunjukkan tiada bahaya yang pasti penghidap AIDS memelihara bayinya yang sihat dari AIDS dan menyusukannya, keadaan ini sama juga seperti keadaan bercampur gaul dan hidup bersama yang normal, maka tiada halangan dari segi syarak ibu tersebut untuk menjaga dan menyusukan anaknya selagi tiada tegahan daripada doktor”<sup>79</sup>

---

<sup>77</sup> *Ibid*, hlm 71.

<sup>78</sup> *Ibid*, hlm 72.

<sup>79</sup> Wahbah al- Zuhaylī ( Dr) (1997), *op.cit.*, hlm 5255.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pendapat yang mengatakan gugur hak penjagaan seorang ibu yang menghidap AIDS ke atas anaknya seperti yang dinyatakan oleh Nowār Nizār al-‘Ānī dalam disertasinya yang bertajuk “Aḥkām al-Muṣāb bi Maraḍ Fiqdān al-Mannā‘ah al-Muktasibah”. Ini berdasarkan pendapat ulama klasik yang sepakat mengatakan ibu yang menghidap sopak dan kusta ditegah dari memelihara anaknya kerana dikhuatiri penyakit tersebut berjangkit kepada si anak melalui percampuran dan hidup bersama. Bersandarkan pendapat ini, beliau menyatakan hukum ibu yang menghidap AIDS untuk memelihara anaknya adalah sama dengan hukum di atas kerana penyakit AIDS adalah lebih berbahaya dari penyakit sopak dan kusta.<sup>80</sup>

Dalam membincangkan hal ini, penulis berpendapat pada peringkat pertama dan kedua jangkitan HIV, tiada halangan bagi si ibu untuk memelihara anaknya, bertepatan dengan apa yang telah diputuskan oleh ulama semasa sebelum ini dan keputusan yang dikeluarkan oleh Majma’ Fiqh Islāmī. Ini kerana pada kedua-dua peringkat ini, tahap kesihatan ibu adalah baik sepertimana orang sihat yang lain. Namun, si ibu perlu berhati-hati dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengelakkan sebarang jangkitan sama ada melalui penyusuan mahupun darah yang tercemar.

Manakala pada peringkat yang ketiga, penulis berpendapat sebaik-baiknya si ibu tadi meminta pertolongan dari suami yang sihat atau waris yang terdekat untuk menjaga anak-anaknya. Selain itu, kanak-kanak ini boleh ditempatkan di rumah-rumah perlindungan yang menjaga kanak-kanak HIV/AIDS agar kebajikan mereka lebih terpelihara.<sup>81</sup> Ini kerana pada peringkat ini, si ibu sudah tidak lagi mampu menjaga dirinya sendiri akibat pelbagai jangkitan dan penyakit yang dialami.

---

<sup>80</sup> Nowār Nizār al-‘Ānī , (2000), *op.cit*, hlm 102-103.

<sup>81</sup> Contohnya, Pusat Perlindungan Persatuan Kebajikan Anak-Anak Pesakit HIV dan AIDS Nurul Iman (Pernim) di Kampung Cheras Baru, Kuala Lumpur .Untuk keterangan lanjut sila layari laman web ini; <http://pusatperlindunganpernim.blogspot.com/>.

Kesimpulannya, kita hendaklah memahami terlebih dahulu mengenai ciri-ciri penyakit AIDS termasuk peringkat-peringkatnya sebagai salah satu sandaran dalam menentukan hukum-hukum berkaitan pesakit AIDS sama ada dalam ibadat mahupun kekeluargaan. Pemahaman yang salah berkenaan penyakit ini akan menyebabkan pesakit AIDS terus didiskriminasi dalam menjalani kehidupan sebagai hamba Allah di dunia ini dan membantutkan sebarang usaha menangani penyakit ini dari akar umbinya lagi.